



## **BEBERAPA KESILAPAN YANG MENGAKIBATKAN SEMBAHYANG TIDAK SAH**

### **(BAHAGIAN AKHIR)**

*(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)*

#### **(4)Dahi Tertutup Oleh Sesuatu**

Sebagaimana yang telah dijelaskan, bahawa dahi adalah salah satu anggota sujud. Jika tidak diletakkan sebahagiannya di tempat sujud, maka ia belum dikira sebagai sujud.

Demikian juga, jika seseorang itu melakukan sujud sedang keseluruhan dahinya tertutup oleh songkok, serban atau tempat sujudnya (tempat ia meletakkan dahinya) dilapiki oleh sesuatu yang bersambung dengannya yang ikut bergerak apabila dia bergerak seperti ekor/hujung serban, tudung atau seumpamanya, maka tidak sah sujudnya itu.

Berbeza halnya, jika sesuatu yang bersambung dengannya itu tidak ikut bergerak apabila dia berdiri, duduk atau seumpamanya. Sebagai contoh, hujung kain serban yang dipakainya itu terlalu panjang dan ia menutupi tempat sujudnya sedang hujung kain itu tidak ikut bergerak apabila dia bergerak, maka dalam hal ini sah sujudnya itu.

Demikian juga, sah sujudnya apabila sesuatu yang menutupi tempat sujudnya itu tidak bersambung dengannya. Sebagai contoh, kain serban yang dipakai oleh orang lain menutupi tempat sujudnya, maka dalam hal ini sah sujudnya itu.

Sekiranya seseorang itu tersujud atas permukaan yang tajam dan menyakiti dahinya, bolehlah dia mengalihkan dahinya itu tanpa mengangkatnya. Jika dia mengalihkan dahinya dengan mengangkatnya, maka batal sembahyangnya kerana menambah perbuatan sujud. Akan tetapi jika dia mengalihkan dahinya itu dengan mengangkatnya sebelum *thuma'ninah*, maka tidaklah membatalkan sembahyangnya.

## **(5) Berdaham**

Sembahyang menjadi batal apabila seseorang senghaja atau dipaksa berkata-kata, sekalipun dengan melahirkan dua huruf yang boleh difahami ataupun tidak seperti 'ahem', atau berkata-kata dengan melahirkan satu huruf yang boleh difahami seperti 'k' yang bermaksud okey atau setuju.

Begitu juga berdaham tanpa keuzuran jika ia melahirkan dua huruf sama ada difahami atau tidak adalah membatalkan sembahyang. Namun jika tidak melahirkan dua huruf, maka tidaklah batal sembahyang tersebut.

Adapun jika seseorang itu berdaham sedikit ketika sembahyang kerana tidak dapat ditahan, maka tidaklah membatalkan sembahyangnya itu.

Demikian juga, jika dia tidak dapat membaca rukun *qauli* seperti surah al-Fatihah melainkan dengan terpaksa berdaham, maka ia dimaafkan dan tidak membatalkan sembahyangnya kerana terpaksa melakukannya untuk kesempurnaan bacaan al-Fatihahnya.

Namun jika dia berdaham sedang dia boleh membaca rukun *qauli* itu tanpa berdaham atau dia berdaham bagi membolehkannya membaca dengan suara *jahr* (nyaring) atau membolehkannya membaca bacaan-bacaan yang sunat, maka yang demikian itu tidaklah dimaafkan kerana bacaan-bacaan sunat atau membaca dengan suara *jahr* itu adalah perkara sunat sahaja.

## (6) Salah Bacaan

Rukun-rukun *qauliah* (rukun-rukun yang berupa bacaan) seperti *takbiratulihram*, surah al-Fatihah, *tasyahhud akhir* dan seumpamanya hendaklah dijaga huruf dan sebutan hurufnya dengan betul dan sempurna. Ini kerana bacaan yang tidak betul itu boleh merosakkan sembahyang.

Sebagai contoh pada bacaan surah al-Fatihah, jika huruf *sin* ( ) pada kalimah ( ) dibaca dengan huruf *tsa* ( ) atau bacaan yang mengubah makna seperti baris atas pada kalimah ( ) dibaca dengan baris bawah menjadi ( ), maka batal sembahyang jika seseorang itu sengaja berbuat demikian sedang dia tahu perbuatan itu salah.

Adapun jika dia tidak sengaja berbuat demikian, maka hendaklah dia memperbetulkan bacaan yang salah itu sebelum lagi dia *ruku'* tanpa mengulangi dari awal bacaan al-Fatihah. Itu pun jika waktu dia melakukan kesalahan itu belum lama berlalu. Jika waktu melakukan kesalahan itu sudah lama berlalu, maka hendaklah dibaca dari awal surah al-Fatihah tersebut.

Jika dia sengaja *ruku'* sedangkan dia tahu hukum yang dia wajib memperbetulkan bacaan al-Fatihah itu sebelum *ruku'*, maka batallah sembahyangnya. Adapun jika dia tidak sengaja *ruku'* misalnya kerana lupa ataupun tidak tahu hukumnya, maka rakaatnya itu tadi tidak dikira.

## **(7)Kembali Melakukan Perkara Sunat Yang Tertinggal**

Apabila seseorang itu terlupa melakukan perkara-perkara sunat sembahyang seperti *tasyahhud awal*, *qunut* atau seumpamanya daripada perkara-perkara yang melibatkan perbuatan sunat, maka dalam hal ini sama ada ia menjejaskan sahnya sembahyang atau sebaliknya dilihat kepada dua keadaan, iaitu:

Pertama: teringat belum melakukan perbuatan sunat yang tertinggal itu setelah sampai ke perbuatan seterusnya.

Kedua: teringat sebelum sampai ke perbuatan seterusnya.

Contoh bagi keadaan pertama; imam atau orang yang bersembahyang sendiri terlupa melakukan *tasyahhud awal*. Kemudian dia teringat bahawa dia belum lagi melakukan *tasyahhud awal* setelah dia sampai ke paras sekurang-kurang berdiri tegak. Maka dalam hal ini, dia tidak boleh kembali duduk untuk melakukan *tasyahhud awal*. Jika dia sengahaja kembali duduk sedangkan dia tahu hukumnya, maka batal sembahyangnya itu kerana menambah perbuatan sembahyang dengan sengahaja. Adapun jika dia kembali duduk disebabkan terlupa atau tidak tahu hukumnya, maka tidaklah membatalkan sembahyangnya itu.

Contoh bagi keadaan yang kedua pula; imam atau orang yang bersembahyang sendiri terlupa melakukan *tasyahhud awal*. Kemudian dia teringat bahawa dia belum lagi melakukan *tasyahhud awal* sebelum dia sampai ke paras sekurang-kurang berdiri tegak. Dalam hal ini, jika dia kembali duduk untuk melakukan *tasyahhud awal* tidaklah membatalkan sembahyang, bahkan disunatkan dia melakukannya.

Demikianlah juga halnya, apabila imam atau orang yang sembahyang sendiri itu terlupa membaca *qunut*. Jika dia teringat setelah sujud dengan meletakkan semua anggota sujud, maka tidak boleh dia kembali berdiri untuk membaca *qunut*.

Namun jika dia teringat sebelum sampai ke perbuatan sujud, maka sunat dia kembali berdiri untuk membaca *qunut*.

Berbeza pula halnya dengan makmum yang mana makmum jika terlupa *tasyahhud awal*, kemudian dia terus berdiri tegak sedangkan imam duduk melakukan *tasyahhud awal* ataupun makmum dan imam terlupa *tasyahhud awal* akan tetapi imam teringat sebelum berdiri tegak, lalu imam duduk melakukan *tasyahhud awal* sedang makmum telah berdiri tegak, maka dalam kedua keadaan ini, makmum wajib kembali duduk untuk melakukan *tasyahhud awal* kerana mengikut imam. Jika dia tidak kembali duduk untuk bertasyahhud awal bersama-sama imam, sembahyangnya menjadi batal jika dia tidak berniat untuk *mufaraqah* yakni berpisah daripada mengikut imam.

Adapun jika imam dan makmum telah berdiri tegak, lalu imam kembali duduk untuk melakukan *tasyahhud awal*, maka makmum hendaklah *mufaraqah* yakni berpisah daripada mengikut imamnya. Jika makmum senghaja mengikut imamnya kembali duduk dan dia tahu akan hukumnya (tidak harus kembali untuk duduk *tasyahhud awal*), maka batal sembahyang makmum itu. Adapun jika makmum itu terlupa atau tidak tahu akan hukumnya, maka tidaklah batal sembahyangnya.

Sebagai kesimpulan, laksanakanlah ibadah sembahyang itu dengan bersungguh-sungguh dengan menyempurnakan segala rukun dan syaratnya sebagaimana yang dituntut. Sembahyang yang dilakukan sambil lewa dengan tidak melakukan rukun dan syaratnya yang terkandung di dalamnya dengan sempurna akan mengakibatkan sembahyang seseorang itu tidak sah.

Di samping menjaga rukun-rukun sembahyang, perkara-perkara sunat juga hendaklah dilakukan dengan sebaiknya kerana ia akan menambahkan lagi kualiti sembahyang itu di sisi Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Dari itu peliharalah sembahyang dan tunaikanlah dengan sebaik-baiknya dan janganlah mengerjakannya bagai melepaskan batuk di tangga.